

002 604MST-21 10 84

R 8478 DEB

MAHATHIR - TAMBAK 1984

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG MEMBUAT LAWATAN MENGEJUT KE JOHOR BAHRU HARI INI, BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN K'EADAAN TAMBAK JOHOR YANG LEBIH BERSIH SEKARANG TETAPI TIDAK MAHU MELIHAT SAMPAH-SARAP DI BAKAR DI TEBING TAMBAK ITU.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA BANYAK DARIPADA SARANAN YANG DIBUATNYA DALAM LAWATAN BELIAU KE SITU PADA 4 SEPT. LALU MENGENAI KELICINAN PEMERIKSAAN IMICRESEN DAN KUTIPAN TOL TELAH DILAKSANAKAN.

BAGAIMANAPUN, PONDOK TOL PERLU DIPERBAIKI' LAGI. 19 BELIAU MEMERITAHU EERNAMA DI PANGKALAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA DI SINI SELEPAS BALIK DARI LAWATAN MENGEJUT SELAMA SEJAM KE TAMBAK ITU.

PERDANA MENTERI MEMBUAT LAWATAN SECARA DIAM-DIAM DARI LAPANGAN TEREANG SULTAN ISMAIL DI SENAI KE BANDAR JOHOR BAHRU DENGAN MENAIKI SEBUAH MOTOKAR MERCEDES YANG DIPINJAM DARI SEBUAH SYARIKAT SADUR TIMAH DI PASIR GUDANG.

BELIAU MENUNAIKAN JANJINYA DATANG SEMULA KE SITU SETELAH MEMERIKAN TEMPOR SEBULAN DARI 4 SEPT. LALU KEPADA PARA PEGAWAI MEMBERSIHKAN RANGKA-RANGKA BOT DAN SAMPAH SARAP DI TEBING PANTAI BERHAMPARAN DENGAN TEMPAT-TEMPAT PEMERIKSAAN DI TAMBAK ITU.--LAGI -
1524MST 21 10 84

D638

R 8482 DEB

MAHATHIR - TAMBAK 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMBUATKAN SEMUA ORANG TERKEJUT BILA BELIAU TIADA DI TEMPAT PEMERIKSAAN PADA KIRA-KIRA PUKUL 10.45 PAGI TANPA DIIRINGI OLEH MOTOSIKAL DAN KERETA PENGAWAL.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN TERUS MENUJU KE TEMPAT YANG SAMA YANG TELAH MEMBANGKITKAN KEMARAHANNYA PADA 4 SEPTEMBER LALU KERANA TERLALU KOTOR.

KEADAAN SEPERTI ITU TIDAK LAGI NAMPAK HARI INI AKAN TETAPI BELIAU KELIHATAN KURANG SENANG BILA MELIHATKAN PARA PEKERJA MEMBAKAR SAMPAH DI BAHU TEBING TAMBAK ITU DAN INI MEMBUATNYA BERJALAN KIRA-KIRA 200 METER UNTUK MELIHAT DENGAN LEBIH DEKAT PUNCA ASAP DI SITU..

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYEBERANG JALAN UNTUK MEMERIKSA KEBERSIHAN DISEBELAH KIRI TAMBAK ITU SELARI DENGAN LANDASAN KERETA DAN SALURAN PAIP AIR JOHOR BAHRU-SINGAPURA.

SELEPAS ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPATAH BALIK KE TEMPAT PEMERIKSAAN UNTUK MENGETAHUI MASA YANG DIAMBIL OLEH PENGUTIP-PENGUTUS P. CAYARAN TOL DAN PARA PEGAWAI IMIGRESEN BAGI MELAYANI ORANG RAMAI.--LAGI..

1555MST 21 10 84

D650

R 8488 DEB

MAHATHIR - TAMBAK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENINJAU KEADAAN DI DALAM DAN LUAR BANGUNAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA SEBELUM BERLEPAS BALIK KE LAPANGAN TERBANG SENAI DALAM KERETA YANG SAMA.

SELAIN DARIPADA DUA ORANG PEMBANTU PERIBADI, ADIKUNGNYA, DUA ORANG PENGAWAL PERIBADI, TIGA ORANG ANGGOTA AKHBAR DAN SEORANG PEGAWAI KANAN SYARIKAT SADUR TIMAH, TIADA SEORANG PUN PEGAWAI TINGGI KASTAMATA PUN IMIGRESEN MENGIRINGI PERDANA MENTERI.

DI TEMPAT PEMERIKSAAN, HANYA SEORANG PEGAWAI POLIS CAWANGAN KHAS MENGIRINGI PERDANA MENTERI SEMASA BELIAU BERJALAN DI SEPANJANG TAMBAK JOHOR UNTUK MELIHAT PUNCA ASAP ITU.

BILA MELAWAT TAMBAKITUPADA 4 SEPT. LALU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBUAT BEBERAPA PEMERHATIANDAN ANTARA LAIN TELAH MENYARANKAN SUPAYA, LORONG-LORONG, PONDOK-PONDOK TOL DAN IMIGRESEN DIREKABENTUK SEMULA BAGI MEMASTIKAN KELICINAN LALULINTAS BILA KUTIPAN TOLDIMULAKAN.

PADA MASA ITU BELIAU DIIRINGI OLEH MENTERI KERJAYA, DATUK S. SAMY VELLU.--LAGI
1618MST 21 10 84

D658

R B493DEE

MAHATHIR - TAMBAK 4 KUALA LUMPUR

DALAM LAWATANITUJUGA, SUNGGUHPUN DATUK SERI DR MAHATHIR KURANG SENANG DENGAN PEMANDANGAN YANG KOTOR MENYEBABKAN BELIAU BERKATA KEADAAN SEPERTI ITU TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU DIPINTUMASUKKE NEGARA INI, BELIAU LEBIH MARAH KERANA SEBELUM INI JABATAN PERDANA MENTERI TELAH PUN MELULUSKAN PERUNTUKAN SEBANYAK \$107,000 KEPADA JABATAN KASTAM SUPAYA MEMBERSIHKAN KAWASAN PANTAI TAMBAK JOHOR.

SEJAK ITU SAHBANDAR JOHOR TELAH MEMBERIKAN KONTRAK KEPADA SEDRANG KONTRAKTOR BUMIPUTERA MEMBERSIHKAN KAWASAN TERSEBUT DENGAN PERBELANJAAN \$100,000. WALAUPUN MEMPUNYAI MASA SEHINGGA 3 OKT.-- KONTRAKTOR TERSEBUT TELAH MELAKSANAKAN KERJA PEMBERSIHAN ITU DALAM MASA SEMINGGU.

PERDANA MENTERI TIDAK DAPAT MELAWAT LEBIH AWAL KE SITU KERANA BELIAU MEMPUNYAI URUSAN RASMI DISEBERANG LAUT TERMASUK BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU, DAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN TOKOH-TOKOH PERNIAGAAN AMERIKA DAN PARA PELAJAR MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT.

AWAL BULAN INI BELIAU DATUK MUSA HITAM MEMANGKU JAWATAN PERDANA MENTERI, BELIAU JUGA TELAH MELAWAT TAMBAK JOHOR DAN MENGUMUMKAN BAHAWA KUTIPAN TOL KE ATAS KENDERAAN-KENDERAAN YANG DATANG DARI SINGAPURA AKAN BERMULA PADA 1 NOV. INI.--BERNAMA.

1639MST 21 10 84